



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

Tel. : 09-621 3000/3001
Faks. (Fax) : 09-622 7207/09-623 8415
Laman Web : jpnterengganu.moe.gov.my

Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-3/1/1 Jld.23(4)
Tarikh : 4 Januari 2026

Semua Pengetua dan Guru Besar
Sekolah-Sekolah Negeri Terengganu

Tuan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN
13 TAHUN 2023**

**PELAKSANAAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN SALAH LAKU SEKSUAL DI
INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya surat Kementerian Pendidikan Malaysia **KPM.100-1/3/1 Jld.9 (19)**
bertarikh 3 November 2023 dirujuk.

2. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan surat pekeliling berkenaan
untuk maklumat dan tindakan tuan seterusnya.

Sekian.

"MEMACU PRAKARSA PENDIDIKAN"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

KAMSAH@KAMAL BIN MOHAMED, P.J.C
Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k

Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembangunan Murid
Semua Pegawai Pendidikan Daerah Negeri Terengganu

- Makluman tuan
- Makluman tuan



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. (19)
Tarikh : 03 November 2023

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 13 TAHUN 2023**

**PELAKSANAAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN SALAH LAKU SEKSUAL
DI INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

TUJUAN

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan memaklumkan berkenaan pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari kes salah laku seksual berlaku dalam institusi pendidikan. KPM memandang serius tentang perkara ini dan sentiasa komited memastikan hak dan keselamatan murid di institusi pendidikan terpelihara.
3. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 24 Tahun 2023 bertarikh 21 September 2023 telah meluluskan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

PELAKSANAAN

4. Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang disertakan bersama-sama SPI ini disediakan sebagai rujukan kepada semua pegawai di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan institusi pendidikan bawah KPM bagi tujuan seperti yang berikut:

- 4.1 menjadi asas panduan pengurusan salah laku seksual;
- 4.2 menjelaskan secara terperinci definisi, jenis, faktor dan implikasi salah laku seksual;
- 4.3 menerangkan peranan jawatankuasa pengurusan salah laku seksual; dan
- 4.4 menjelaskan tatacara pengurusan kes salah laku seksual, tindakan disiplin dan pelaksanaan intervensi salah laku seksual.

5. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual di Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dirujuk dan dipatuhi sepenuhnya. Garis panduan ini boleh dimuat turun daripada laman sesawang KPM melalui pautan <https://www.moe.gov.my>.

TARIKH KUAT KUASA

6. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN


7. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dan memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI)
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

GARIS PANDUAN PENGURUSAN SALAH LAKU SEKSUAL

DI INSTITUSI PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN



GARIS PANDUAN PENGURUSAN SALAH LAKU SEKSUAL DI INSTITUSI PENDIDIKAN

PRAKATA

Saban tahun kes salah laku seksual terhadap kanak-kanak di seluruh dunia semakin meningkat. Perkara ini melibatkan eksploitasi dan penderaan bukan sahaja secara mental dan fizikal bahkan salah laku seksual terhadap kanak-kanak terus berlaku tanpa mengira latar belakang masyarakat dan negara. Kanak-kanak terdedah kepada salah laku seksual sama ada di rumah, sekolah atau lingkungan komuniti mereka. Fenomena ini menjadi semakin parah dengan penggunaan teknologi digital yang semakin meluas. Perkara yang amat menyedihkan apabila kanak-kanak ini menjadi mangsa individu yang dikenali dan dipercayai oleh kanak-kanak sebagai pelindung.

Mangsa salah laku seksual akan menghadapi trauma yang memberikan kesan berpanjangan kepada kesihatan fizikal dan mental serta keupayaan untuk berfungsi dengan baik sebagai ahli masyarakat. Hal ini merupakan satu kerugian dan menimbulkan suasana sosial yang pincang kepada negara apabila sebahagian daripada rakyat yang menjadi sumber kepada negara tidak mampu menyumbang kepada kesejahteraan dan kemajuan negara.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai institusi yang bertanggungjawab kepada pendidikan terhadap kira-kira lima juta orang murid, mempunyai peranan yang penting dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan murid agar terhindar daripada ancaman salah laku seksual. Sehubungan dengan itu, KPM sebagai pemegang amanah negara mempunyai strategi dan langkah perlindungan untuk menangani serta memastikan hak dan keselamatan murid di institusi pendidikan terpelihara.

Sehubungan dengan itu, garis panduan ini adalah penting sebagai rujukan setiap individu yang bertanggungjawab untuk menjamin keselamatan murid. Garis panduan ini juga bertujuan untuk memastikan bahawa tindakan yang diambil adalah selaras dengan peruntukan perundangan yang terkini. Oleh itu, menjadi harapan agar buku panduan ini menjadi garis panduan yang seragam untuk diguna pakai oleh semua institusi pendidikan KPM.

KATA ALU-ALUAN

YB MENTERI PENDIDIKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Saban hari masyarakat di negara ini sering digemparkan dengan kes-kes salah laku seksual yang lama-kelamaan menjadi satu fenomena yang parah dan semakin sukar untuk dikawal. Kes-kes ini telah menjadi satu indikator bahawa terdapat penyakit dalam masyarakat kita yang memerlukan tumpuan semua pihak untuk membendung dan menghapuskannya dengan segera. Malah, lebih membimbangkan adalah salah laku seksual turut dikesan berlaku di institusi pendidikan seperti sekolah harian, sekolah berasrama, pusat tahfiz dan pusat tuisyen. Oleh itu, pihak autoriti, para guru, ibu bapa dan masyarakat sekeliling haruslah peka terhadap isu ini serta memainkan peranan untuk menangani masalah ini.

Kanak-kanak sering disifatkan sebagai golongan yang masih mentah dan sering terdedah sebagai mangsa salah laku seksual. Secara umumnya, salah laku seksual boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira jantina, lazimnya dikaitkan dengan wanita atau kanak-kanak perempuan. Salah laku seksual merupakan sesuatu perlakuan yang serius, sensitif, mengaibkan dan mengganggu keadaan psikologi dan emosi mangsa. Hal ini demikian kerana salah laku seksual merupakan suatu bentuk perlakuan atau pertuturan yang berunsurkan seks atau lucah, keganasan atau ancaman yang dilakukan oleh mereka yang memiliki kuasa atau kekuatan fizikal terhadap golongan yang lemah terutama wanita dan kanak-kanak.

Kementerian Pendidikan Malaysia meletakkan komitmen yang tinggi untuk menyediakan tempat yang selamat dan kondusif bagi mendidik dan membina generasi masa depan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Anak-anak kita perlu berasa diri mereka sentiasa diberikan perhatian, kasih sayang dan perlindungan. Murid perlu yakin bahawa kebajikan diri mereka sentiasa dijaga dan bebas untuk berkongsi masalah dengan guru tanpa rasa bimbang didiskriminasi

dan dimalukan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, mangsa salah laku seksual yang membabitkan murid dari sekolah rendah yang terlalu mentah mungkin tidak memahami apa-apa yang berlaku kepada mereka. Sehubungan dengan itu, peranan dan kepekaan guru dan pentadbir adalah penting untuk memastikan murid tidak terus menerus menjadi mangsa.

Penghasilan garis panduan salah laku seksual ini adalah untuk kegunaan guru dan pentadbir sekolah, maka besarlah harapan saya agar nasib murid yang terlibat akan terbela. Menangani masalah salah laku seksual bukanlah sesuatu yang mudah kerana kebanyakannya melibatkan kuasa dan memerlukan pemahaman yang mantap, kekuatan dalaman serta sokongan moral dan sosial daripada pihak pentadbir dan pihak berkuasa. Semua pihak dalam organisasi pendidikan bertanggungjawab untuk memastikan hak anak-anak yang terlibat dilunaskan. Hasrat murni negara bagi melahirkan modal insan yang berdaya saing, berilmu dan berpandangan jauh mungkin terbantut kerana penggerak dan peneraju utama, iaitu golongan guru dan pentadbir tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang mantap untuk menangani masalah yang dihadapi oleh murid.

Akhir kata, syabas saya ucapkan kepada ahli jawatankuasa yang terlibat dalam penghasilan **Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia** ini.

Sekian, terima kasih.

YB FADHLINA SIDEK
Menteri Pendidikan

KATA ALU-ALUAN
KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Anak yang Baik lagi Cerdik.

Tahniah saya ucapkan kepada ahli jawatankuasa atas usaha penghasilan **Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia**. Penghasilan garis panduan ini bertepatan dengan masa dan keadaan terkini ketika isu salah laku seksual telah menjadi satu fenomena yang menggerunkan dalam kalangan murid di Malaysia. Hal ini memberikan gambaran bahawa sekolah yang bertindak sebagai sebuah institusi yang murni untuk melahirkan modal insan yang berilmu dan berpekerti mulia turut tidak terlepas daripada masalah moral tersebut.

Murid yang menjadi mangsa salah laku seksual akan menghadapi trauma yang hebat kerana bukan sahaja fizikal mereka diceroboh, malahan minda dan jiwa mereka turut terjejas. Banyak kajian mengenai impak salah laku seksual terhadap kanak-kanak melaporkan bahawa kanak-kanak yang menjadi mangsa selalunya akan menghadapi masalah dari segi psikologi yang menyebabkan hilang rasa percaya kepada orang sekeliling, kemurungan, tidak berupaya mempunyai hubungan sosial yang sihat dan akhirnya hilang kompas moral. Lebih membimbangkan ialah trauma yang dihadapi turut merubah personaliti mangsa kepada menjadi pemangsa yang akhirnya melakukan salah laku yang sama kepada generasi seterusnya.

Usia muda murid merupakan satu sela masa yang amat berharga. Pengalaman yang diperoleh pada jangka masa ini adalah amat kritikal dalam pembentukan karakter dan nilai yang dibudayakan sebagai amalan harian. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan anak-anak yang menjalani pengalaman pendidikan di institusi KPM ialah anak-anak yang membesar sebagai Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC). Pengisian pengalaman ini penting berlandaskan nilai agama serta nilai universal yang murni. Hanya melalui pengalaman yang dipenuhi dengan didikan yang mesra, keprihatinan para guru dan pentadbir serta suasana pembelajaran yang

selamat maka terbinalah keperibadian atau karakter yang unggul dalam diri setiap murid. Murid perlu berasa disokong dan dilindungi untuk menyerlahkan potensi diri mereka.

Komitmen KPM adalah untuk menyediakan suasana yang selamat dan kondusif bagi semua murid supaya perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek mereka adalah seimbang dan akhirnya menghasilkan warga negara yang berupaya memberikan sumbangan kepada kesejahteraan negara. Sehubungan dengan itu, guru dan pentadbir sekolah perlu mempunyai satu sumber rujukan yang komprehensif apabila menghadapi kes salah laku seksual. Usaha untuk menangani kes salah laku seksual bukanlah sesuatu yang mudah. Terlalu banyak perkara yang perlu dipertimbangkan kerana setiap kes mempunyai sisi yang unik dan kompleks. Oleh itu, wajarlah guru dan pihak sekolah memperhalusi setiap tindakan berdasarkan garis panduan yang tersedia.

Semoga dengan tersedianya **Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia** ini memberikan manfaat yang besar kepada pihak sekolah dalam usaha untuk melindungi dan menangani dengan penuh hikmah terhadap kes salah laku seksual yang menimpa anak-anak kita.

Sekian, terima kasih.

DATUK HAJI PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

KATA ALU-ALUAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Bagi pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), saya sangat bersyukur kerana terhasilnya satu garis panduan yang lengkap untuk membantu para guru dan pentadbir sekolah menangani kes salah laku seksual di sekolah. Sejak kebelakangan ini kes salah laku seksual semakin meningkat. Perkara yang paling dikesalkan ialah mangsa salah laku seksual terdiri daripada kanak-kanak hingga remaja di institusi pendidikan. Salah laku seksual melibatkan murid yang menjadi mangsa individu di dalam dan di luar sekolah.

Impaknya, salah laku seksual boleh menimbulkan pelbagai masalah dan salah laku dalam kalangan murid yang menjadi mangsa juga murid yang melakukan salah laku tersebut. Isu salah laku seksual ini boleh menjadi kes jenayah jika tiada langkah awal untuk membendung atau menghentikan kelakuan dan pemikiran tersebut. Selain didikan dan bimbingan dari segi kandungan kurikulum, murid perlu dilatih dengan kemahiran untuk menilai perbuatan yang melanggar hak dan keselamatan mereka.

Guru dan pentadbir bertanggungjawab menangani kes yang membabitkan salah laku seksual terutama yang berunsur jenayah. Murid yang menjadi mangsa secara lazimnya berada dalam keadaan tertekan dan trauma, maka di sinilah peranan guru sebagai orang dewasa yang boleh dipercayai untuk melindungi dan membantu menghentikan salah laku seksual yang dihadapi oleh murid. Tugas ini bukanlah mudah. Guru dan pentadbir perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang mantap meliputi akta, peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa supaya setiap tindakan bersifat membantu dan berupaya menyelamatkan anak-anak kita daripada terus menjadi mangsa. Atas keperluan ini, maka KPM telah mengambil langkah untuk menyediakan satu garis panduan yang boleh dirujuk oleh semua guru

dan pentadbir sekolah. Hal ini penting kerana setiap tindakan yang diambil perlu seiring dengan akta, peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa.

Garis panduan ini juga bertujuan untuk menjadi sebahagian daripada ekosistem dan mekanisme di sekolah yang menyediakan kemudahan akses untuk anak-anak mendapatkan bantuan dalam konteks melindungi diri mereka berkaitan isu salah laku seksual. Anak-anak kita merupakan pewaris negara yang perlu dipastikan keselamatan dan kesejahteraan minda dan fizikal mereka.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas usaha jawatankuasa pembina yang telah menyediakan garis panduan ini. Semoga usaha jawatankuasa pembina yang terdiri daripada para pegawai di KPM, jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah dan para guru dari seluruh Malaysia menjadi satu bentuk sumbangan yang melindungi anak-anak murid kita daripada salah laku seksual.

Sekian, terima kasih.

HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN

**Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Sektor Operasi Sekolah**

KANDUNGAN

	MUKA SURAT
Prakata	ii
Kata Alu-aluan YB Menteri Pendidikan	iii
Kata Alu-aluan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia	v
Kata Alu-aluan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Sektor Operasi Sekolah	vii
1 PENGENALAN	
1.1 Tujuan	1
1.2 Latar belakang	1
1.3 Objektif	1
1.4 Pemakaian	2
1.5 Keperluan Pematuhan Perundangan dan Pekeliling Berkuat kuasa	2
2 SALAH LAKU SEKSUAL	
2.1 Definisi	5
2.2 Jenis Salah Laku Seksual	5
2.3 Punca Salah Laku Seksual	5
2.4 Kesan Salah Laku Seksual	8
3 PIHAK PENGURUSAN KES SALAH LAKU SEKSUAL	
3.1 Pengetua atau Guru Besar: Pihak Berkuasa Disiplin	10
3.2 Guru Penyiasat	10
3.3 Jawatankuasa Disiplin	11
3.4 Jawatankuasa Permuafakatan	12
4 TATACARA PENGENDALIAN KES SALAH LAKU SEKSUAL	
4.1 Skop Pelaksanaan Tatacara Pengendalian	14
4.2 Penerimaan Aduan atau Laporan Media/Berita	14

4.3	Tatacara Pengendalian Aduan Salah Laku Seksual	15
4.4	Tatacara Pengendalian Kes Salah Laku Seksual – Kesalahan Jenayah	15
4.5	Tatacara Pengendalian Kes Salah Laku Seksual – Bukan Kesalahan Jenayah	17
4.6	Tindakan Disiplin	18
4.7	Rayuan kepada Pendaftar	19
4.8	Rekod Disiplin (SSDM) dan Laporan SPI SOP 1:3:7	19
4.9	Carta Alir Tatacara Pengendalian Aduan Salah Laku Seksual	20
4.10	Carta Alir Pengendalian Kes Salah Laku Seksual – Kesalahan Jenayah	21
4.11	Carta Alir Pengendalian Kes Salah Laku Seksual – Bukan Kesalahan Jenayah	22
5	PELAKSANAAN INTERVENSI BAGI KES SALAH LAKU SEKSUAL	
5.1	Intervensi	23
5.2	Matlamat Intervensi	23
5.3	Peranan dan Tanggungjawab	24
5.4	Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan Intervensi	26
5.5	Pelaksanaan Intervensi Pencegahan	27
5.6	Pelaksanaan Intervensi Perkembangan	27
5.7	Pelaksanaan Intervensi Pemulihan	28
5.8	Pelaksanaan Intervensi Krisis	29
5.9	Refleksi Intervensi	30
5.10	Tindakan Penambahbaikan	31
6	LAMPIRAN A	32
7	PENGHARGAAN	35

PENGENALAN

1.1 Tujuan

Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual di Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia ini (“Garis Panduan ini”) bertujuan menjadi rujukan kepada semua pihak berkepentingan di institusi pendidikan dalam menjelaskan tatacara pengurusan salah laku seksual. Garis Panduan ini juga memberikan kefahaman tentang salah laku seksual, implikasinya dan peranan pihak yang terbabit dalam pengurusan salah laku seksual di institusi pendidikan.

1.2 Latar Belakang

Kanak-kanak merupakan aset kepada setiap negara untuk merealisasikan pembangunan yang mampan dan dinamik pada masa hadapan. Oleh itu, adalah wajar kesejahteraan dan kecergasan kanak-kanak termasuk kesihatan mental dan fizikal kanak-kanak diberikan perhatian yang serius. Salah laku seksual terhadap kanak-kanak bukan sahaja menjadi isu yang serius di Malaysia malah pada peringkat antarabangsa. Salah laku seksual bukan sahaja berlaku pada orang dewasa terutamanya golongan wanita di pelbagai organisasi tetapi juga kepada kanak-kanak perempuan dan lelaki di institusi pendidikan. Oleh hal yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) proaktif dan mengambil inisiatif bagi menghasilkan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Seksual di Institusi Pendidikan bagi melindungi murid di institusi pendidikan.

1.3 Objektif

Garis Panduan ini dikeluarkan bagi mencapai objektif seperti yang berikut:

- (a) menjadi asas panduan dan rujukan bagi pengurusan salah laku seksual di institusi pendidikan;
- (b) menjelaskan secara terperinci definisi, jenis, faktor dan implikasi salah laku seksual di institusi pendidikan;

- (c) menerangkan peranan dan fungsi jawatankuasa bagi pengurusan salah laku seksual di institusi pendidikan; dan
- (d) menjelaskan tatacara pengurusan kes salah laku seksual, pelaksanaan tindakan disiplin dan intervensi bagi kes salah laku seksual di institusi pendidikan.

1.4 Pemakaian

- (a) Garis Panduan ini hendaklah terpakai kepada institusi pendidikan seperti yang berikut:
 - (i) sekolah kerajaan;
 - (ii) sekolah bantuan kerajaan; dan
 - (iii) kolej vokasional.
- (b) Sekiranya terdapat percanggahan antara peruntukan dalam Garis Panduan ini dengan mana-mana peruntukan dalam garis panduan, surat pekeliling ikhtisas (SPI) atau surat siaran terdahulu yang masih berkuat kuasa, Garis Panduan ini hendaklah mengatasi setakat mana percanggahan itu.

1.5 Keperluan Pematuhan Perundangan dan Pekeliling Berkuat kuasa

- (a) Semua pihak yang terlibat dalam menguruskan kes salah laku seksual seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan ini, terutamanya pihak pengurusan institusi pendidikan, hendaklah memahami dan mematuhi peruntukan perundangan seperti yang berikut yang menjadi asas kepada Garis Panduan ini:
 - (i) Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*];
 - (ii) Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah), 1959 / *Education (School Discipline) Regulations, 1959 [L.N.61/1959]*;
 - (iii) Akta Kanak-kanak 2001 [*Akta 611*];
 - (iv) Kanun Keseksaan [*Akta 574*];

- (v) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017 [Akta 792]; dan
 - (vi) Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593].
- (b) Dalam menguruskan dan mengendalikan kes salah laku seksual, jika berkenaan, Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Surat Pekeliling Ikhtisas, garis panduan dan modul seperti yang berikut:

A. Surat Pekeliling Ikhtisas

- (i) Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7 Tahun 2011: Pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid;
- (ii) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/1975: Disiplin di Sekolah. Peraturan-peraturan Sekolah untuk Murid-murid;
- (iii) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/1983: Mengenakan Hukuman Biasa Terhadap Murid-murid yang Melakukan Perbuatan Salah Laku yang Tidak Dinyatakan dalam Peraturan-peraturan Pelajaran;
- (iv) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1993: Laporan Kepada Polis Salahlaku yang Berbentuk Jenayah;
- (v) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1995: Tatacara Mengenakan Tindakan dan Hukuman Terhadap Pelajar-Pelajar Sekolah;
- (vi) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1996: Pelaksanaan Kuasa Disiplin dan Hukuman Di Sekolah;
- (vii) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 18/1998: Penggunaan Budi Bicara Ketika Mengambil Tindakan;
- (viii) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2001: Pemantapan Pengurusan Disiplin Di Sekolah;
- (ix) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2001: Semua Guru Adalah Guru Disiplin; dan
- (x) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003: Kuasa Guru Merotan Murid.

B. Garis Panduan

- (i) Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual;
- (ii) Garis Panduan Khas untuk Mengendalikan Kes Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak di Malaysia;
- (iii) Panduan Tatacara Disiplin Sekolah;
- (iv) Panduan Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak; dan
- (v) Garis Panduan Pengendalian Masalah Kesihatan Seksual Dan Reproduksi Remaja di Klinik Kesihatan.

C. Modul

- (i) Modul Intervensi Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak di Sekolah (IHSAN); dan
- (ii) Modul I Kesedaran dan Pencegahan Penderaan Seksual (Kanak-kanak & Remaja) di Malaysia.

SALAH LAKU SEKSUAL

2.1 Definisi

Salah laku seksual ditakrifkan sebagai apa-apa kelakuan yang bersifat seksual dalam apa-apa bentuk, sama ada secara lisan, bukan lisan, visual, isyarat atau fizikal, yang ditujukan kepada seseorang yang secara munasabahnyanya menyinggung atau menghina atau merupakan suatu ancaman kepada kesejahteraannya. Salah laku seksual juga boleh berlaku sesama jantina atau berlainan jantina.

2.2 Jenis Salah Laku Seksual

Salah laku seksual boleh berlaku terhadap murid sebagai mangsa dalam pelbagai bentuk seperti gangguan lisan sehingga kepada serangan fizikal secara seksual. Kebanyakan kejadian salah laku seksual yang berlaku terhadap murid merupakan suatu kesalahan jenayah seperti yang disenaraikan dalam Peruntukan Undang-undang berkaitan Kesalahan Jenayah (**LAMPIRAN A**).

2.3 Punca Salah Laku Seksual

Salah laku seksual terjadi boleh berpunca daripada pelbagai faktor, antaranya adalah seperti yang berikut:

(a) Faktor Individu

(i) Umur

Mangsa yang lebih muda selalunya lebih terdedah kepada penderaan seksual kerana mereka mungkin tidak mempunyai pemahaman yang mencukupi tentang seksualiti dan batasan-batasan yang sihat.

- (ii) Kelemahan fizikal atau keterbatasan
Mangsa kurang upaya atau mempunyai kelemahan fizikal mungkin menjadi sasaran yang lebih mudah kerana sukar bagi mereka untuk mempertahankan diri atau melaporkan kejadian yang telah berlaku.
- (iii) Kurang pengetahuan tentang seksualiti
Mangsa yang tidak mempunyai pemahaman yang mencukupi tentang seksualiti, privasi dan sempadan yang sihat lebih terdedah untuk menjadi mangsa penderaan atau salah laku seksual.

(b) Faktor Keluarga

- (i) Kurangnya pengawasan dan perlindungan
Mangsa yang tidak mendapat pengawasan atau perlindungan yang mencukupi daripada ahli keluarga mereka mungkin lebih terdedah kepada salah laku seksual.
- (ii) Sejarah keluarga berkenaan penderaan atau salah laku
Mangsa yang datang daripada keluarga yang mempunyai sejarah penderaan atau salah laku seksual mungkin mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk menjadi mangsa.
- (iii) Ketidakefungsian keluarga
Keluarga yang mengalami salah laku seksual, konflik, kekerasan, keganasan atau kepincangan dalam institusi keluarga boleh mewujudkan persekitaran yang tidak selamat untuk mangsa dan meningkatkan risiko gangguan atau penderaan seksual.

(c) Faktor Sosioekonomi

- (i) Ketidaksamaan jantina
Budaya yang meletakkan nilai yang tidak sama rata antara lelaki dengan wanita termasuk keadaan yang membenarkan keganasan seksual terhadap mangsa boleh memburukkan risiko salah laku seksual.

- (ii) Kemiskinan dan ketidakstabilan sosial

Mangsa yang hidup dalam kemiskinan atau ketidakstabilan sosial mungkin lebih terdedah kepada gangguan atau penderaan seksual kerana mereka boleh menjadi sasaran bagi pelaku yang berkuasa dan berpengaruh. Kemiskinan atau kesenjangan sosioekonomi meningkatkan risiko menjadi mangsa salah laku seksual dan mereka lebih kecewa kerana mempunyai akses yang terhad kepada pendidikan dan sokongan.

(d) Faktor Pembentukan Nilai Murni Murid

Kurangnya amalan nilai murni menyebabkan mangsa mudah terdedah dengan salah laku seksual. Situasi ini mendedahkan mangsa kepada gangguan mahupun perlakuan seksual sebelum berkahwin.

(e) Faktor Persekitaran

- (i) Akses mudah kepada bahan penderaan seksual terhadap kanak-kanak [*Child Sexual Abuse Material (CSAM)*] atau bahan lucah. CSAM atau bahan lucah yang mudah didapati boleh meningkatkan risiko salah laku seksual terhadap mangsa kerana pelaku boleh menggunakan bahan tersebut sebagai alat untuk mempengaruhi dan memperdayakan mangsa.
- (ii) Hubungan dengan orang luar atau orang dewasa yang tidak dikenali. Mangsa yang mempunyai hubungan meluas dengan orang dewasa yang tidak dikenali atau kurang dikenali boleh meningkatkan risiko salah laku seksual.

Faktor yang dinyatakan tersebut bukan penyebab langsung salah laku seksual terhadap mangsa tetapi boleh meningkatkan risiko berlakunya salah laku seksual. Langkah menangani masalah gangguan atau penderaan seksual terhadap mangsa memerlukan pendekatan holistik yang melibatkan pendidikan seksual di rumah dan di institusi pendidikan, kesedaran awam, perlindungan mangsa yang efektif dan tindakan undang-undang yang keras terhadap pelaku.

2.4 Kesan Salah Laku Seksual

Mangsa salah laku seksual berkemungkinan mengalami kesan jangka panjang yang serius dalam aspek yang berikut:

(a) Kesan Fizikal

Salah laku seksual boleh menyebabkan kemudaratan fizikal kepada mangsa, seperti kecederaan fizikal atau jangkitan yang berkaitan dengan perbuatan seksual secara paksa.

(b) Kesan Psikologi

Salah laku seksual boleh memberikan kesan terhadap kesihatan mental dan kesejahteraan psikologi yang ketara kepada kanak-kanak. Kesan psikologi yang biasa berlaku termasuklah trauma, kemurungan, kebimbangan, gangguan tidur, gangguan makan, mempunyai perasaan kurang harga diri (*low self-esteem*), tingkah laku agresif, pengasingan sosial dan kecelaruan stres pascatrauma (PTSD).

(c) Kesan Tingkah Laku dan Kognitif

Mangsa salah laku seksual sering mengalami perubahan tingkah laku dan kognitif yang boleh menjejaskan fungsi sosial, akademik dan emosi mereka. Mereka mungkin mengalami kesukaran menumpukan perhatian, penurunan prestasi akademik, perubahan dalam corak tidur, tingkah laku yang tidak sesuai dan kesukaran membentuk hubungan yang sihat dengan orang lain.

(d) Kesan Terhadap Seksualiti

Mangsa salah laku seksual yang terlibat boleh menjadi pelaku salah laku seksual. Mereka mungkin mengalami kesukaran untuk menjalin hubungan intim yang sihat, mengalami ketidakfungsian seksual dan mempunyai persepsi yang menyimpang tentang hubungan seksual.

(e) Kesan kepada Kesihatan Mental Jangka Panjang

Mangsa salah laku seksual mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mengalami masalah kesihatan mental yang berterusan. Antaranya termasuklah kemurungan, kebimbangan, gangguan pemakanan, penyalahgunaan dadah dan juga cenderung ke arah pemikiran atau perasaan untuk membunuh diri.

(f) Gangguan Hubungan dan Kepercayaan

Salah laku seksual boleh mengganggu keupayaan mangsa untuk membentuk hubungan yang sihat dan membina kepercayaan terhadap orang lain. Mereka mungkin mengalami kesukaran untuk mempercayai orang lain, berasa bimbang atau takut tentang hubungan intim dan menghadapi kesukaran membina hubungan yang saling menyokong.

(g) Kitaran Salah Laku Seksual

Tanpa bimbingan yang sesuai, mangsa salah laku seksual mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk menjadi pendera seksual pada masa hadapan. Mereka dipengaruhi oleh pandangan yang mengelirukan dan salah tentang seksualiti dan kuasa serta mengamalkan tingkah laku yang dialami oleh mereka.

Mangsa salah laku seksual perlu diberikan sokongan, perlindungan dan terapi yang sesuai. Pencegahan, pengesanan awal dan intervensi yang berkesan boleh membantu mengurangkan kesan jangka masa panjang salah laku seksual terhadap kanak-kanak.

PIHAK PENGURUSAN KES SALAH LAKU SEKSUAL

3.1 Pengetua atau Guru Besar: Pihak Berkuasa Disiplin

- (a) Pengetua atau guru besar (PGB) sebagai pihak berkuasa disiplin berfungsi mengawal disiplin murid di institusi pendidikan dan mempunyai kuasa seperti yang berikut:
- (i) Memastikan Garis Panduan ini dipatuhi supaya pelaksanaan pengurusan disiplin selaras dengan peruntukan perundangan;
 - (ii) Melaksanakan tindakan disiplin yang bersesuaian dan wajar mengikut peraturan berkaitan disiplin yang berkuat kuasa;
 - (iii) Melantik mana-mana guru bagi menjalankan siasatan bagi kesalahan disiplin murid di institusi pendidikan;
 - (iv) Menubuhkan Jawatankuasa Disiplin; dan
 - (v) Melakukan apa-apa perkara lain yang disifatkan patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya secara berkesan.
- (b) PGB hendaklah memastikan latihan disediakan bagi pengendalian penyiasatan salah laku seksual.

3.2 Guru Penyiasat

3.2.1 Pelantikan Guru Penyiasat

- (a) Mana-mana guru boleh dilantik oleh PGB untuk menjalankan siasatan awal (“guru penyiasat”) bagi pengendalian kes salah laku seksual sama ada berlaku di dalam atau di luar kawasan institusi pendidikan.
- (b) Guru penyiasat yang dilantik tidak semestinya guru yang sama bagi setiap kes salah laku seksual.
- (c) Bagi menjamin ketelusan dan mengelakkan daripada percanggahan kepentingan, perlu dipastikan bahawa guru penyiasat yang dilantik tidak mempunyai kepentingan peribadi atau mempunyai hubungan secara langsung dengan mangsa, pelaku, ibu bapa atau penjaga.

- (d) Guru penyiasat yang dilantik bukan dalam kalangan ahli Jawatankuasa Disiplin.

3.2.2 Tanggungjawab Guru Penyiasat

- (a) Guru penyiasat mempunyai tanggungjawab seperti yang berikut:
 - (i) Menjalankan siasatan secara adil dan berhemah.
 - (ii) Mengumpul bukti dan maklumat yang diperlukan untuk menyiasat kes salah laku seksual.
 - (iii) Merekodkan keterangan daripada saksi dan mangsa yang terlibat dalam kes salah laku seksual.
 - (iv) Menjaga kerahsiaan maklumat yang diterima.
 - (v) Mengemukakan laporan siasatan yang lengkap kepada PGB.

- (b) Bagi kes salah laku seksual yang berlaku di asrama, guru penyiasat hendaklah dibantu oleh warden asrama.

3.3 Jawatankuasa Disiplin

3.3.1 Penubuhan, Keanggotaan dan Fungsi

- (a) PGB hendaklah menubuhkan Jawatankuasa Disiplin yang terdiri daripada keanggotaan yang berikut:
 - (i) Guru penolong kanan yang bertanggungjawab bagi hal ehwal murid (HEM) sebagai Pengerusi;
 - (ii) Guru yang bertanggungjawab sebagai ketua bagi perkara berkenaan dengan disiplin;
 - (iii) Guru penolong kanan yang bertanggungjawab bagi persekolahan sesi petang, jika institusi pendidikan itu mempunyai persekolahan sesi petang;
 - (iv) Guru yang bertanggungjawab bagi perkara berkenaan dengan bimbingan dan kaunseling; dan
 - (v) Tidak lebih daripada tiga orang guru lain dilantik oleh PGB.

- (b) Fungsi Jawatankuasa Disiplin adalah seperti yang berikut:
 - (i) merancang dan melaksanakan aktiviti atau program di institusi pendidikan yang berhubungan dengan disiplin murid mengikut peraturan berkaitan disiplin yang berkuat kuasa; dan
 - (ii) boleh mengesyorkan mana-mana tindakan disiplin yang bersesuaian dan wajar, sama ada hukuman rotan, gantung sekolah atau buang sekolah, bagi suatu kesalahan disiplin untuk pertimbangan PGB.

3.3.2 Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Disiplin

- (a) Pengerusi
 - (i) Mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Disiplin.
 - (ii) Memastikan laporan perkembangan kes salah laku seksual dikemukakan kepada pejabat pendidikan daerah (PPD) dan jabatan pendidikan negeri (JPN).

- (b) Setiausaha
 - (i) Bertanggungjawab kepada segala arahan Pengerusi.
 - (ii) Mengeluarkan surat panggilan mesyuarat kepada ahli jawatankuasa.
 - (iii) Mencatat dan menyediakan minit mesyuarat.
 - (iv) Menyediakan laporan lengkap mengikut format yang disediakan untuk dikemukakan kepada PGB.
 - (v) Menyimpan segala rekod salah laku seksual yang telah diputuskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Disiplin.

- (c) Ahli-ahli
 - (i) Menghadiri setiap mesyuarat yang diadakan.
 - (ii) Memainkan peranan aktif semasa mesyuarat seperti berbincang dan memberikan pandangan mengikut bidang tugas masing-masing.

3.4 Jawatankuasa Permuafakatan

3.4.1 Penubuhan dan Tujuan Penubuhan

Sekiranya perlu, PGB boleh menubuhkan Jawatankuasa Permuafakatan bagi menyediakan platform rundingan secara harmoni pada peringkat dalaman

institusi pendidikan bagi menyelesaikan pertikaian dan percanggahan yang berbangkit seperti yang berikut:

- (a) Ketidakpuasan hati mana-mana pihak ibu bapa atau penjaga mengenai hukuman gantung atau buang sekolah yang diputuskan oleh PGB bagi kesalahan disiplin yang dilakukan; atau
- (b) Ketidakpuasan hati mana-mana pihak mengenai pengendalian kes salah laku seksual yang diuruskan oleh institusi pendidikan.

3.4.2 Keanggotaan Jawatankuasa Permuafakatan

Keanggotaan Jawatankuasa Permuafakatan adalah seperti yang berikut:

Pengerusi : PGB

Timbalan Pengerusi : Guru Penolong Kanan HEM (GPK HEM)

Setiausaha : Setiausaha Disiplin

Ahli Jawatankuasa :

- (a) Guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (GBKSM) atau guru bimbingan lantikan sekolah;
- (b) Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- (c) wakil Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG);
- (d) warden asrama;
- (e) ibu bapa atau penjaga pelaku;
- (f) ibu bapa atau penjaga mangsa;
- (g) ketua kampung atau pengerusi persatuan penduduk, jika perlu; dan
- (h) pegawai PPD, jika perlu.

3.4.3 Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa Permuafakatan

- (a) Pengerusi
 - (i) Mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Permuafakatan.
 - (ii) Menjelaskan situasi salah laku.
- (b) Setiausaha
 - (i) Mengeluarkan surat panggilan mesyuarat kepada ahli Jawatankuasa Permuafakatan.
 - (ii) Membuat catatan dan minit mesyuarat.

- (c) Ahli Jawatankuasa
Memainkan peranan aktif semasa mesyuarat seperti berbincang dan memberikan pandangan mengikut bidang kuasa masing-masing.

TATACARA PENGENDALIAN KES SALAH LAKU SEKSUAL

4.1 Skop Pelaksanaan Tatacara Pengendalian

- (a) Skop pelaksanaan tatacara pengendalian oleh institusi pendidikan merangkumi kejadian salah laku seksual yang melibatkan murid, sama ada sebagai mangsa atau pelaku, yang berlaku di dalam atau di luar kawasan institusi pendidikan.
- (b) Sekiranya kejadian salah laku seksual melibatkan guru, anggota kumpulan pelaksana (AKP) atau orang awam (termasuk ahli keluarga) sebagai pelaku, kejadian tersebut hendaklah dilaporkan terus kepada PDRM oleh PGB. Bagi kes yang melibatkan guru atau AKP sebagai pelaku, PGB hendaklah juga merujuk kepada JPN.

4.2 Penerimaan Aduan atau Laporan Media/Berita

- (a) Pengadu (mangsa atau pemberi maklumat), dengan kadar segera selepas kejadian salah laku seksual, boleh membuat aduan dengan menyatakan tentang butiran seperti tarikh, masa, lokasi, murid, pelaku dan saksi kejadian yang terlibat melalui saluran seperti yang berikut:
 - (i) Membuat atau merujuk suatu aduan salah laku seksual terus kepada pihak pentadbiran atau mana-mana guru di institusi pendidikan; atau
 - (ii) Memasukkan aduan bertulis ke dalam peti aduan yang disediakan di institusi pendidikan.
- (b) Sekiranya PGB dimaklumkan mengenai aduan seperti yang dikemukakan oleh pengadu berdasarkan perenggan 4.2(a) atau diketahui melalui laporan media/berita berhubung dengan kes salah laku seksual terhadap

muridnya, PGB hendaklah, dengan segera dan secara sulit, memulakan tindakan tatacara pengendalian aduan dan kes salah laku seperti yang ditetapkan dalam Bab ini.

4.3 Tatacara Pengendalian Aduan Salah Laku Seksual

- (a) Apabila PGB mengetahui mengenai kejadian salah laku seksual tersebut, PGB hendaklah, dalam tempoh 24 jam, mengambil tindakan seperti yang berikut:
- (i) Menghubungi ibu bapa atau penjaga murid yang terlibat (pelaku dan mangsa);
 - (ii) Membuat laporan polis dengan segera berdasarkan seksyen 107 Kanun Prosedur Jenayah, jika ibu bapa atau penjaga mangsa enggan membuat laporan polis;
 - (iii) Memastikan aduan salah laku seksual yang diterima direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM);
 - (iv) Memastikan laporan awal dilengkapkan menurut Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7 Tahun 2011: Pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid (SPI SOP 1:3:7); dan
 - (v) Mengemukakan laporan awal kepada PPD supaya laporan awal tersebut dikemukakan kepada JPN dan KPM.
- (b) Peruntukan seksyen 29A Akta Kanak-kanak 2001, sekiranya perlu dalam keadaan ibu bapa atau penjaga mangsa tidak mengambil peduli dengan keadaan mangsa, PGB juga boleh memberikan maklumat kepada pegawai kebajikan masyarakat jika mendapati mangsa telah dcederakan dari segi fizikal atau emosi akibat teraniaya dari segi seks.

4.4 Tatacara Pengendalian Kes Salah Laku Seksual – Kesalahan Jenayah

- (a) Setelah mendapati laporan polis dibuat berhubung dengan kes salah laku seksual itu, maka PGB hendaklah:

- (i) mengemukakan dokumen yang diperlukan oleh pihak PDRM untuk melengkapkan siasatan pihak PDRM yang merangkumi antaranya seperti yang berikut:
- laporan disiplin dalam SSDM;
 - laporan kehadiran;
 - laporan akademik;
 - laporan perkembangan murid; dan
 - dokumen lain yang berkaitan seperti yang dipohon oleh pihak PDRM;
- (ii) sentiasa memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa yang terlibat seperti PDRM dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam menguruskan kes salah laku seksual itu; dan
- (iii) merekodkan ketidakhadiran murid ke institusi pendidikan selama tempoh penahanan oleh pihak PDRM dalam rekod disiplin SSDM sekiranya murid itu ditahan oleh pihak PDRM untuk proses siasatan ke atas kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis. Ketidakhadiran murid yang disebabkan oleh penahanan itu bukanlah suatu kesalahan disiplin.
- (b) Sekiranya PGB dimaklumkan bahawa salah laku seperti yang dilaporkan kepada polis bukan merupakan suatu kesalahan jenayah menurut mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dan PGB mendapati salah laku tersebut adalah dalam kategori kesalahan disiplin seperti yang didaftarkan dalam rekod disiplin SSDM, maka PGB hendaklah mengendalikan kes kesalahan disiplin itu menurut perenggan 4.5.
- (c) Semasa proses siasatan polis dan prosiding mahkamah sedang dijalankan berkaitan pertuduhan jenayah terhadap murid, tiada tindakan disiplin boleh dikenakan berdasarkan pertuduhan yang sama seperti dalam prosiding mahkamah, melainkan pelaksanaan tindakan disiplin menurut perenggan 4.6 bagi maksud menjaga disiplin dan ketenteraman institusi pendidikan sekiranya murid itu boleh hadir ke sekolah selepas tamat tempoh penahanan polis tetapi prosiding mahkamah masih berjalan.

- (d) Tanpa mengambil kira apa-apa dapatan dan perintah mahkamah, sama ada pelaku didapati bersalah atau tidak, PGB hendaklah memastikan pelaku menjalani sesi intervensi pemulihan oleh GBK dengan syarat pelaku masih murid di institusi pendidikan. PGB juga perlu memastikan mangsa dan saksi kejadian menjalani sesi intervensi pemulihan oleh GBK.

4.5 Tatacara Pengendalian Kes Salah Laku Seksual – Bukan Kesalahan Jenayah

Susulan daripada hasil siasatan polis, PGB dimaklumkan bahawa salah laku seperti yang dilaporkan kepada polis bukan merupakan suatu kesalahan jenayah menurut mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dan PGB mendapati salah laku tersebut adalah dalam kategori kesalahan disiplin seperti yang didaftarkan dalam rekod disiplin SSDM, maka PGB hendaklah:

- (a) melantik guru penyiasat dan mengarahkannya untuk memulakan siasatan dengan mendapatkan keterangan daripada saksi dan mangsa yang terlibat dalam kes salah laku seksual dan mengemukakan laporan hasil siasatan berhubung dengan kes salah laku tersebut kepada PGB dengan kadar segera;
- (b) mengarahkan GPK HEM untuk mencadangkan tindakan disiplin yang wajar ditentukan ke atas kesalahan disiplin yang dilakukan setelah PGB berpuas hati dengan laporan guru penyiasat yang mendapati kesalahan disiplin itu adalah berasas dengan bukti yang cukup;
- (c) mengarahkan Jawatankuasa Disiplin untuk mengesyorkan suatu tindakan disiplin yang wajar ditentukan ke atas kesalahan disiplin itu sekiranya cadangan tindakan disiplin yang melibatkan hukuman rotan, gantung sekolah atau buang sekolah;
- (d) membuat pengesahan dalam rekod disiplin SSDM mengenai mana-mana satu tindakan disiplin yang diputuskan oleh PGB;

- (e) menghubungi murid (pelaku) dan ibu bapa atau penjaganya untuk menghadiri sesi perjumpaan secara tertutup dengan PGB atau apa-apa cara lain yang wajar bagi tujuan:
 - (i) memaklumkan tentang kesalahan disiplin yang telah dilakukan oleh murid itu;
 - (ii) memberi peluang bagi mendapatkan penjelasan lisan daripada murid itu dan ibu bapa atau penjaganya berkenaan dengan kesalahan disiplin yang telah dilakukan; dan
 - (iii) memaklumkan tindakan disiplin yang akan dikenakan ke atas murid itu.

- (f) jika perlu, mengarahkan supaya Jawatankuasa Permuafakatan ditubuhkan bagi tujuan menyelesaikan pertikaian itu secara dalaman, sekiranya ibu bapa atau penjaga bagi mangsa atau pelaku tidak berpuas hati dan mempertikaikan keputusan PGB;

- (g) melaksanakan tindakan disiplin yang dimuktamadkan terhadap pelaku menurut perenggan 4.6; dan

- (h) memastikan sesi intervensi pemulihan dilaksanakan oleh GBK kepada mangsa, pelaku dan saksi kejadian dalam tempoh pengurusan salah laku sehingga pelaksanaan tindakan disiplin disempurnakan oleh pelaku.

4.6 Tindakan Disiplin

- (a) Seseorang murid yang didapati telah melakukan salah laku seksual sebagai kesalahan disiplin boleh dikenakan dengan mana-mana satu tindakan disiplin mengikut peraturan berkaitan disiplin yang berkuat kuasa di bawah Akta Pendidikan 1996.

- (b) PGB hendaklah mengambil kira rekod disiplin murid sebelum ini apabila membuat keputusan mengenai tindakan disiplin yang dikenakan selanjutnya terhadap murid itu. Tiada tindakan disiplin boleh dilaksanakan semasa murid itu sedang menduduki peperiksaan.

4.7 Rayuan kepada Pendaftar


Ibu bapa atau penjaga murid (pelaku) yang tidak berpuas hati dengan keputusan PGB untuk mengenakan tindakan gantung sekolah atau buang sekolah terhadap murid itu boleh mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Pendaftar dalam tempoh tiga hari dari tarikh pemakluman mengenai tindakan disiplin yang telah diputuskan.

4.8 Rekod Disiplin SSDM dan Laporan SPI SOP 1:3:7

- (a) PGB hendaklah menyimpan dan menyenggarakan rekod disiplin SSDM bagi setiap murid yang didapati melakukan kesalahan disiplin.
- (b) PGB juga hendaklah memastikan:
 - (i) tindakan yang diambil dalam mengendalikan kes salah laku dan hukuman disiplin yang dikenakan ke atas apa-apa kesalahan disiplin yang dilakukan oleh murid direkodkan dan sentiasa dikemas kini serta disahkan dalam rekod disiplin SSDM murid itu; dan
 - (ii) laporan disediakan mengenai perkembangan pengurusan kes salah laku sehingga kes diselesaikan dan dikemukakan laporan itu kepada PPD, JPN dan KPM menurut SPI SOP 1:3:7.

4.9 Carta Alir Tatacara Pengendalian Aduan Salah Laku Seksual

CARTA ALIR TATACARA PENGENDALIAN ADUAN SALAH LAKU SEKSUAL (RUJUK PERENGGAN 4.3)




Rujukan

PGB	: Pengetua / Guru Besar
GPK HEM	: Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
GDS	: Guru Disiplin Sekolah
PPD	: Pejabat Pendidikan Daerah
JPN	: Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	: Kementerian Pendidikan Malaysia
BPSH	: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM
SSDM	: Sistem Sahsiah Diri Murid
SPI SOP 1:3:7	: SPI Bil. 7/2011: Pelaksanaan <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid

4.10 Carta Alir Pengendalian Kes Salah Laku Seksual: Kesalahan Jenayah

CARTA ALIR TATACARA PENGENDALIAN KES SALAH LAKU SEKSUAL – KESALAHAN JENAYAH (RUJUK PERENGGAN 4.4)



Rujukan

PGB : Pengetua / Guru Besar

GPK HEM : Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid

GDS : Guru Disiplin Sekolah

PPD : Pejabat Pendidikan Daerah

JPN : Jabatan Pendidikan Negeri

KPM : Kementerian Pendidikan Malaysia

BPSH : Bahagian Pengurusan Sekolah Harian


GBK : Guru Bimbingan dan Kaunseling

SSDM : Sistem Sahsiyah Diri Murid

SPI SOP 1:3:7 : SPI Bil. 7/2011: Pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid

4.11 Carta Alir Pengendalian Kes Salah Laku Seksual: Bukan Kesalahan Jenayah

CARTA ALIR TATACARA PENGENDALIAN KES SALAH LAKU SEKSUAL – BUKAN KESALAHAN JENAYAH (RUJUK PERENGGAN 4.5)



Rujukan

PGB	: Pengetua / Guru Besar
GPK HEM	: Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid
GDS	: Guru Disiplin Sekolah
PPD	: Pejabat Pendidikan Daerah
JPN	: Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	: Kementerian Pendidikan Malaysia
BPSH	: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

GBK : Guru Bimbingan dan Kaunseling
SSDM : Sistem Sahsiah Diri Murid
SPI SOP 1:3:7 : SPI Bil. 7/2011: Pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) 1:3:7
Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid

PELAKSANAAN INTERVENSI BAGI KES SALAH LAKU SEKSUAL

5.1 Intervensi

- (a) Intervensi merupakan usaha untuk memberikan pemulihan, bimbingan, khidmat nasihat, gabungan pendidikan, penjagaan diri, interaksi sosial, perkembangan kemahiran psikomotor dan sebagainya kepada murid dan juga keluarga sebaik sahaja sesuatu masalah atau isu salah laku seksual dapat dikesan.
- (b) Terdapat empat jenis intervensi utama yang boleh dilaksanakan bagi menangani salah laku seksual, iaitu:
 - (i) Intervensi pencegahan;
 - (ii) Intervensi perkembangan;
 - (iii) Intervensi pemulihan; dan
 - (iv) Intervensi krisis.
- (c) Dalam pemilihan intervensi atau program dalam pengendalian salah laku seksual, pihak pentadbir dan jawatankuasa program haruslah meneliti beberapa implikasi yang mempunyai hubung kait agar intervensi atau program yang dipilih berkesan kepada murid.

5.2 Matlamat Intervensi

Intervensi perlu dilaksanakan bagi mencapai matlamat seperti yang berikut:

- (a) Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran murid di institusi pendidikan mengenai salah laku seksual;
- (b) Mengenal pasti perkara yang dirancang sesuai dengan intervensi yang akan dilaksanakan oleh pihak sekolah; dan
- (c) Mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan tentang kesedaran salah laku seksual di sekolah.

5.3 Peranan dan Tanggungjawab

5.3.1 Institusi Pendidikan

- (a) Intervensi ini melibatkan seluruh institusi pendidikan. Jawatankuasa intervensi dibentuk bagi merancang program intervensi mengikut keperluan berdasarkan data rekod disiplin murid dan memantau keseluruhan program. Jawatankuasa ini bertindak menyebarkan peraturan dan polisi salah laku seksual serta bertanggungjawab mengadakan latihan kepada guru dan kakitangan sekolah tentang cara dan tindakan yang patut dilakukan bagi mencegah dan membendung perlakuan menjurus kepada salah laku seksual di sekolah berdasarkan Garis Panduan ini.

- (b) Menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti PDRM, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), JKM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), *Cybersecurity*, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) serta institusi agama dan moral.

- (c) Memastikan program pencegahan berfokus kepada membudayakan nilai murni dan membina sahsiah murid mengikut keperluan institusi pendidikan seperti kempen, ceramah, pameran, poster, pertandingan dan seumpamanya.

5.3.2 Peranan Guru

- (a) Dalam bilik darjah
 - (i) Meningkatkan keprihatinan dan sensitif dengan perubahan sikap, emosi dan tingkah laku murid.
 - (ii) Menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan murid agar menghormati dan mengenali antara satu sama lain.
 - (iii) Mewujudkan persekitaran dan iklim bilik darjah yang kondusif agar dapat membantu murid berasa selamat, disokong serta terlibat dengan aktif dalam pelaksanaan aktiviti.

- (iv) Melaksanakan program pendidikan pencegahan salah laku seksual merentas aktiviti kurikulum dan kokurikulum murid.
- (b) Luar bilik darjah
 - (i) Memberikan penerangan tentang salah laku seksual dan tatacara pengemukaan aduan salah laku seksual semasa perhimpunan sekolah.
 - (ii) Menyebarkan maklumat salah laku seksual secara infografik, poster dan aplikasi media sosial sebagai medium kempen dan penyebaran informasi.

5.3.3 Peranan Murid

- (a) Melaporkan sebarang perlakuan tidak senonoh yang dialami oleh dirinya atau orang lain kepada mana-mana guru.
- (b) Tidak melakukan perlakuan yang tidak senonoh kepada sesiapa sahaja termasuklah rakan, guru atau kakitangan institusi pendidikan.
- (c) Mengenal pasti perkara yang mengganggu emosi dan cara mengendalikannya dengan betul.
- (d) Melibatkan diri secara aktif dalam semua aktiviti yang dianjurkan oleh pihak institusi pendidikan.
- (e) Mengelakkan diri daripada terlibat dengan gejala dan perlakuan yang tidak senonoh.

5.3.4 Peranan Pemimpin Murid (Duta Murid)

- (a) Pemimpin murid menunjukkan keterampilan dan sahsiah yang positif agar dapat dijadikan teladan kepada murid lain.
- (b) Pemimpin murid berperanan membantu guru dalam memastikan murid memahami dan mematuhi peraturan berkaitan dengan disiplin murid.
- (c) Pemimpin murid memupuk rasa patuh kepada peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa serta membangkitkan kesedaran dan

kepekaan murid membanteras perbuatan jenayah di dalam dan di luar institusi pendidikan khususnya salah laku seksual.

- (d) Pemimpin murid berkemampuan dalam membantu rakan sebaya secara positif, berkesan, berkemahiran dan berketerampilan dalam membantu diri dan membantu orang lain.

5.3.5 Peranan Ibu bapa atau Penjaga

- (a) Meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan pendidikan keibubapaan.
- (b) Memantau kandungan media sosial yang dilayari oleh anak-anak.
- (c) Meningkatkan keprihatinan terhadap keperluan emosi, memberikan perhatian dan mengambil berat terhadap perubahan emosi, tingkah laku serta perubahan sikap anak-anak.
- (d) Menanam sikap tidak ambil mudah terhadap setiap perkara yang dikongsikan oleh anak-anak.
- (e) Meningkatkan pengetahuan literasi undang-undang antara PIBG dengan Pelibatan Ibu Bapa, Komuniti dan Pihak Swasta (PIBKS).
- (f) Memantau keselamatan anak-anak di luar sekolah.

5.4 Penubuhan Jawatankuasa Pelaksanaan Intervensi

- (a) Bagi merancang dan melaksanakan intervensi untuk menangani salah laku seksual dengan lebih berkesan dan menyeluruh, suatu jawatankuasa mengenai pelaksanaan strategi intervensi perlu diwujudkan di institusi pendidikan dan disarankan keanggotaannya seperti yang berikut:
 - (i) pengetua dan guru besar;
 - (ii) semua guru penolong kanan;
 - (iii) guru kanan mata pelajaran (bagi sekolah menengah);

- (iv) guru disiplin sekolah;
- (v) guru bimbingan dan kaunseling;
- (vi) wakil guru dan AKP;
- (vii) warden asrama;
- (viii) wakil badan kepimpinan murid; dan
- (ix) wakil PIBG.

5.5 Pelaksanaan Intervensi Pencegahan

- (a) Intervensi pencegahan merupakan usaha yang berasaskan kepada sesuatu masalah itu mungkin timbul dan meruncing. Usaha perlu dijalankan bagi menghalang kes seksual berlaku. Pelaksanaan intervensi pencegahan boleh menggunakan pelbagai cara atau pendekatan dalam menangani salah laku seksual. Keperluannya dapat dikesan melalui petunjuk atau petanda yang berlaku dalam persekitaran semasa. Antara contoh program intervensi yang dapat dijalankan ialah kempen, program psikopendidikan, pendidikan pencegahan isu salah laku seksual, edaran poster, risalah, ceramah kesedaran, forum dan sebagainya.
- (b) Pelaporan program intervensi pencegahan hendaklah didokumentasikan.

5.6 Pelaksanaan Intervensi Perkembangan

- (a) Intervensi perkembangan bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan, membina kemahiran dan akhlak murid supaya mereka mempunyai ketahanan diri yang kuat untuk menghadapi situasi yang mengganggu keselamatan diri.
- (b) Intervensi perkembangan perlu dirancang dengan melibatkan aktiviti kurikulum dan kokurikulum murid bagi mengenali diri sendiri dan orang sekeliling sebelum berlaku kejadian salah laku seksual kepada murid. Pelaksanaan intervensi perkembangan harus mencakupi aspek agama, nilai dan moral, psikososial dan kesejahteraan mental sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

- (c) Intervensi perkembangan juga perlu dirancang dengan rapi supaya dapat melengkapkan kurikulum akademik, serta pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Setiap murid perlu diberikan peluang mengenali diri mereka sendiri dan orang lain sebelum timbulnya sesuatu masalah dalam hidup mereka.
- (d) Bidang intervensi perkembangan yang perlu diberikan tumpuan adalah:
 - (i) Perkembangan agama dan moral.
 - (ii) Perkembangan psikososial.
 - (iii) Perkembangan kognitif dan afektif.
 - (iv) Perkembangan fizikal (fisiologikal) dan seksual.
 - (v) Perkembangan vokasional dan kerjaya.

5.7 Pelaksanaan Intervensi Pemulihan

- (a) Fokus pelaksanaan intervensi pemulihan adalah mengenal pasti, dari semasa ke semasa, kelemahan atau masalah yang dihadapi oleh murid yang terlibat dalam situasi salah laku seksual sama ada sebagai pengadu, pelaku, mangsa atau saksi/pemerhati dan membantu mereka pulih daripada masalah dan trauma yang berpunca daripada kejadian tersebut.
- (b) Pendekatan intervensi pemulihan melibatkan sesi bimbingan dan kaunseling, konsultasi, rujukan dan advokasi dengan kerjasama agensi kerajaan yang berkenaan seperti KKM, JKM, PDRM, KPWKM dan Majlis Perwakilan Kanak-kanak Malaysia.
- (c) Terdapat juga beberapa panduan modul berkaitan dengan intervensi pemulihan untuk rujukan GBK dan personel yang terlibat seperti Modul Kaunseling Berfokus.

5.8 Pelaksanaan Intervensi Krisis

- (a) Intervensi krisis merupakan usaha yang perlu dilaksanakan oleh personel semasa berhadapan dengan kes-kes krisis ataupun semasa mengendalikan setiap insiden krisis yang timbul secara mendadak dan memerlukan perhatian dan tindakan segera daripada pihak pentadbiran institusi pendidikan.
- (b) Setiap kes dikendalikan hampir sama dengan cara pengendalian intervensi kaunseling. Walau bagaimanapun, intervensi krisis hanya memberikan pemusatan perhatian kepada isu ataupun krisis yang sedang dihadapi oleh klien pada masa itu ditangani dengan berhemah dan mengutamakan keselamatan, kesihatan, kesejahteraan dan kebajikan murid. Personel perlu menggunakan kemahiran melayan, iaitu “berada bersama klien” dan kemahiran menolong yang sesuai pada ketika itu. Contoh krisis: Murid yang menghadapi tekanan emosi dan mental yang teruk, kerisauan yang terlampau (akut neurotik), kemurungan, histeria, cubaan membunuh diri, trauma (igauan buruk) dan pelbagai tindakan yang berisiko tinggi yang boleh memusnahkan diri ataupun mengancam keselamatan orang lain.
- (c) Intervensi ini juga digunakan bagi kes yang timbul secara mendadak apabila berlaku sesuatu keadaan yang mengganggu-gugat keselamatan diri dan orang lain. Intervensi krisis memerlukan perhatian serta tindakan segera oleh pihak sekolah seperti mangsa yang melibatkan kecederaan perlu dirujuk ke klinik atau hospital.
- (d) Dalam mengawal situasi krisis, langkah tindak balas seperti yang berikut perlu diambil oleh orang sekeliling yang menyaksikan situasi krisis tersebut:
 - (i) Langkah 1: Mengenal pasti situasi
Mengenal pasti situasi krisis secara rasional untuk menentukan tindakan segera yang lebih berkesan. Individu yang menyaksikan situasi tersebut mudah mengalami ketakutan dan panik.

- (ii) Langkah 2: Memastikan keselamatan
Memastikan keselamatan orang yang terlibat dalam krisis dan persekitaran. Hal ini termasuk orang yang mengalami krisis secara langsung seperti kecederaan, trauma dan seumpamanya. Dalam keadaan tertentu, mereka perlu menenangkan pihak yang terlibat dan mendapatkan bantuan daripada pihak luar.

- (iii) Langkah 3: Sokongan
Individu yang menyaksikan kejadian hendaklah memberikan bantuan dan sokongan yang bersesuaian kepada murid mengalami krisis. Sokongan awal dapat menenangkan murid yang terlibat.

- (iv) Langkah 4: Mewujudkan kerjasama
Pihak sekolah boleh bekerjasama dengan pihak berwajib seperti PDRM, KKM dan JKM untuk membantu menghadapi situasi krisis. Pihak luar juga boleh membantu membimbing individu yang mengalami trauma dan cedera. Autoriti yang dimiliki oleh agensi seperti ini dapat memudahkan urusan kes.

5.9 Refleksi Intervensi

- (a) Institusi pendidikan dapat meningkatkan pengetahuan terhadap salah laku seksual.
- (b) Institusi pendidikan dapat mengenal pasti program-program yang dirancang bersesuaian dengan intervensi yang telah dilaksanakan.
- (c) Institusi pendidikan dapat mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan tentang kesedaran salah laku seksual.
- (d) Institusi pendidikan dapat melaksanakan penambahbaikan bagi setiap intervensi.

5.10 Tindakan Penambahbaikan

- (a) Keberkesanan setiap program yang dilaksanakan dapat diketahui melalui penilaian keberkesanan pelaksanaan program atau intervensi.
- (b) Pascanilai program diadakan bersama dengan pentadbir untuk penambahbaikan program yang telah dilaksanakan.

Peruntukan Undang-undang berkaitan Salah Laku Seksual
sebagai Kesalahan Jenayah

Kanun Keseksaan [Akta 574]

1. **Rogol** – Seksyen 375 Kanun Keseksaan.
Hukuman: Penjara selama tempoh maksimum 20 tahun dan hendaklah juga dikenakan sebatan – Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan
2. **Rogol Statutori (persetubuhan dengan gadis di bawah umur 16 tahun, dengan kerelaan atau tidak)** – Seksyen 375(g) Kanun Keseksaan.
Hukuman:
 - (a) **persetubuhan dengan kerelaan gadis berumur antara lebih 12 tahun hingga di bawah 16 tahun : Penjara selama tempoh maksimum 20 tahun dan hendaklah juga dikenakan sebatan** – Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan;
 - (b) **persetubuhan tanpa kerelaan gadis berumur antara lebih 12 tahun hingga di bawah 16 tahun : Penjara selama tempoh minimum 5 tahun dan maksimum sehingga 30 tahun dan hendaklah juga dikenakan sebatan** – Seksyen 376(2) Kanun Keseksaan; dan
 - (c) **persetubuhan dengan kerelaan atau tidak dengan gadis berumur di bawah 12 tahun : Penjara selama tempoh minimum 5 tahun dan maksimum sehingga 30 tahun dan hendaklah juga dikenakan sebatan** – Seksyen 376(2) Kanun Keseksaan
3. **Sumbang Mahram** – Seksyen 376A Kanun Keseksaan
Hukuman: Penjara selama tempoh tidak kurang dari 10 tahun dan tidak lebih dari 30 tahun, dan hendaklah juga dikenakan sebatan – Seksyen 376B Kanun Keseksaan
4. **Meliwat atau persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii** – Seksyen 377A Kanun Keseksaan
Hukuman: Penjara selama tempoh yang boleh sampai 20 tahun dan hendaklah juga dikenakan sebatan – Seksyen 377B Kanun Keseksaan

5. **Meliwat atau persetubuhan bertentangan dengan aturan fitrah, tanpa kerelaan** – Seksyen 377C Kanun Keseksaan
Hukuman: Penjara selama tempoh tidak kurang dari 5 tahun dan tidak lebih dari 20 tahun dan hendaklah juga dikenakan sebatan – Seksyen 377C Kanun Keseksaan
6. **Melakukan seks menggunakan objek** – Seksyen 377CA Kanun Keseksaan
Hukuman: Penjara selama tempoh yang boleh sampai 20 tahun dan hendaklah juga dikenakan sebatan – Seksyen 377CA Kanun Keseksaan
7. **Kelucahan melampau** – Seksyen 377D Kanun Keseksaan
Hukuman: Penjara selama tempoh yang boleh sampai 2 tahun – Seksyen 377D Kanun Keseksaan
8. **Merangsang seseorang kanak-kanak bagi melakukan kelucahan melampau** – Seksyen 377E Kanun Keseksaan
Hukuman: Penjara selama tempoh tidak kurang dari 3 tahun dan tidak lebih dari 15 tahun dan hendaklah juga dikenakan sebatan – Seksyen 377E Kanun Keseksaan
9. **Mengintai** – Seksyen 507A Kanun Keseksaan
Hukuman: Penjara selama tempoh maksimum 3 tahun atau dengan denda atau dengan kedua-duanya sekali – Seksyen 377D Kanun Keseksaan

Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 [Akta 792]

10. **Amang seksual secara fizikal** – Seksyen 14 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 [Akta 792]
Hukuman: Penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat – Seksyen 14 Akta 792
11. **Amang seksual bukan fizikal atas kanak-kanak** – Seksyen 15 Akta 792
Hukuman: Penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau kedua-duanya – Seksyen 15 Akta 792

12. **Bertukar-tukar, menerbitkan, dsb., bahan penganiayaan seksual kanak-kanak – Seksyen 8 Akta 792**
Hukuman: Penjara selama tempoh tidak melebihi 15 tahun dan hendaklah juga dihukum dengan hukuman sebat tidak kurang daripada 3 sebatan – Seksyen 8 Akta 792
13. **Komunikasi secara seksual – Seksyen 11(1) Akta 792**
Hukuman: Penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun – Seksyen 11(1) Akta 792
14. **Pengantunan kanak-kanak – Seksyen 12(1) Akta 792**
Hukuman: Penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat – Seksyen 12(1) Akta 792
15. **Berjumpa selepas pengantunan kanak-kanak – Seksyen 13(1) Akta 792**
Hukuman: Penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun dan boleh juga dihukum dengan hukuman sebat – Seksyen 13(1) Akta 792

Peruntukan undang-undang yang disenaraikan di atas hanyalah sebagai contoh dan panduan sahaja. Keputusan muktamad berhubung dengan pertuduhan jenayah akan ditentukan oleh Pendakwa Raya selepas selesai kertas siasatan dilengkapkan oleh pihak PDRM kelak.

PENGHARGAAN

AHLI JAWATANKUASA INDUK

1. Tuan Haji Abdul Muie bin Ngah A.M.T Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), KPM
2. Encik Omar bin Mahli BPSH, KPM
3. Encik Hirudin bin Mohit BPSH, KPM
4. Encik Abdul Rahim bin Mohidin BPSH, KPM
5. Encik Mohd Harith bin Mohd Rahim @ Mohd Noor BPSH, KPM
6. Encik Mohammad Hafiz bin Kamal BPSH, KPM
7. Puan Siti Norfiza Eryani binti Muslil BPSH, KPM
8. Encik Norolrozi @ Norulrozi bin Azeri Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
9. Puan Huzaimah binti Muain Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
10. Dr. Norashuha binti Tajudin Jabatan Pendidikan Negeri Johor
11. Puan Nur Fathiah binti Ahmadin Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang
12. Tuan Haji Asrar Najib bin Yunos Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat
13. Puan Noor Faizah binti Idris Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
14. Puan Noorhayati binti Khairuddin Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
15. Encik Mohd Naim bin A Rahim Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
16. Tuan Haji Shamsulkamal bin Rahman Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan

AHLI JAWATANKUASA

1. Encik Saiful Effendi bin Mohd Zahari BPSH, KPM
2. Puan Ida Hairani binti Bakar Bahagian Sukan Kesenian dan Kokurikulum, KPM
3. Dr. Noraini binti Abdul Latif Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM
4. Puan Bibi Aishah binti Roslan Bahagian Matrikulasi, KPM
5. Puan Hazliza binti Mohd Ghafii Bahagian Matrikulasi, KPM
6. Encik Ahmad Shuhaimi bin Md Isa Bahagian Pendidikan Khas, KPM
7. Encik Hanizan bin Che Mat Bahagian Pendidikan Khas, KPM

- | | | |
|-----|---|--|
| 8. | Encik Shamsul Arifin bin Arshad | Bahagian Pendidikan Swasta, KPM |
| 9. | Encik Muhd Zukhairi bin Ahmad | Bahagian Pengurusan Sekolah
Berasrama Penuh |
| 10. | Puan Shamsul Sakinah binti Hamzah | Kolej Matrikulasi Kedah |
| 11. | Encik Mohd Badrul Hisham bin Abdullah | Kolej Matrikulasi Perlis |
| 12. | Encik Mohd Mohshen bin Jaamat | Kolej Matrikulasi Melaka |
| 13. | Puan Sarahafiza binti Abd Rahman | Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur |
| 14. | Encik Mohd Said bin Ibrahim | Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang |
| 15. | Puan Yasmin binti Kamarudin | Jabatan Pendidikan Negeri Selangor |
| 16. | Encik Mohd Naim bin Bahari | Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
Putrajaya |
| 17. | Encik Mohd Zulhijri bin Sabtu | Jabatan Pendidikan Negeri Melaka |
| 18. | En Sabri bin Osman | Jabatan Pendidikan Negeri Kedah |
| 19. | Encik Mohd Nasir bin Abdullah | Jabatan Pendidikan Negeri Kedah |
| 20. | Encik Ab Muhaimin bin Ab Hamid | Jabatan Pendidikan Negeri Pahang |
| 21. | Encik Bahari bin Abdul Rahman | Jabatan Pendidikan Negeri Pahang |
| 22. | Puan Nor Fariza binti Mohd Idris | Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
Putrajaya |
| 23. | Encik Mohd Roslan bin Darus | Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang |
| 24. | Tuan Haji Zamzaitul Akmal Hisham bin
Ahmad | Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak |
| 25. | Encik Kairil Anuar bin Muhammad | Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu |
| 26. | Encik Kamsah @ Kamal bin Mohamed | Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu |
| 27. | Encik Zulkafli bin Mohamed Mokhtar | Jabatan Pendidikan Negeri Perak |
| 28. | Puan Hajah Zuraidah binti Abdul Hadi | Jabatan Pendidikan Negeri Perak |
| 29. | Encik Mohd Yusof bin Shafie | Jabatan Pendidikan Negeri Negeri
Sembilan |
| 30. | Encik Marzilaini bin Muhamad | Pengerusi Persatuan Guru Besar
Malaysia |
| 31. | Puan Ande Noor Munawara binti Bachok | Sekolah Menengah Kebangsaan Infant |

- | | | |
|-----|-------------------------------|---|
| 32. | Puan Siti Khadijah binti Omar | Jesus Convent, Johor Bahru
Sekolah Menengah Kebangsaan Tun
Habab, Kota Tinggi |
| 33. | Puan Maisarah binti Zainudin | Sekolah Menengah Kebangsaan Tronoh |
| 34. | Tuan Haji Ismail bin Hashim | Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
Slim River |
| 35. | Puan Ezalinda binti Zakaria | Sekolah Kebangsaan Intan Baiduri |

EDITOR

- | | | |
|-----|---|---|
| 1. | Encik Abdul Rahim bin Mohidin | BPSH |
| 2. | Encik Mohd Harith bin Mohd Rahim @
Mohd Noor | BPSH |
| 3. | Encik Mohammad Hafiz bin Kamal | BPSH |
| 4. | Puan Siti Norfiza Eryani binti Muslil | BPSH |
| 5. | Encik Megat Azrul Aizad bin Megat
Iberahim | BPSH |
| 6. | Cik Suriana binti Mohd Asari | BPSH |
| 7. | Puan Intan Suzana binti Abdul Rahman | BPSH |
| 8. | YBrs. Dr. Maizatul Azmah binti Ab. Latiff | Bahagian Pendidikan Khas, KPM |
| 9. | Encik Mohd Taufik bin Mohd Tasrip | Bahagian Pengurusan Sekolah
Berasrama Penuh, KPM |
| 10. | Ts. Dr. Mohammad Hafiz bin Salleh @
Omar | Bahagian Pendidikan dan Latihan
Teknikal Vokasional, KPM |
| 11. | Puan Siti Fariza Edzua binti Jamaludin | Pejabat Penasihat Undang-Undang, KPM |
| 12. | Puan Rohayu binti Ismail @ Hassan | Dewan Bahasa dan Pustaka |
| 13. | Dr. Norashuha binti Tajudin | Jabatan Pendidikan Negeri Johor |
| 14. | Encik Norolrozi @ Norulrozi bin Azeri | Jabatan Pendidikan Negeri Kedah |
| 15. | Puan Nur Fathiah binti Ahmadin | Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang |
| 16. | Encik Mohd Rosle bin Said | Pejabat Pendidikan Daerah Klang |
| 17. | Puan Ezura binti Nasir | Sekolah Agama Menengah Sungai
Merab Luar Sepang |

PENGHARGAAN KHAS

1. Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim
Mantan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
2. Datuk Sutinah Sutan
Mantan Timbalan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
3. Dato' Sulaiman Wak
Mantan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
4. Prof. Datin Dr. Mariani Md Nor
Pakar Psikologi SEGI Universiti
5. Lt. Kol. Bersekutu (PA) Aminuddin Awang
Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP)
6. Dato' Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz
Mantan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
7. Prof Madya (Kehormat) Dato' Dr. P. Sundramoorthy
Pensyarah Kriminologi Universiti Sains Malaysia
8. ACP Siti Kamsiah Hassan
Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak Bukit Aman